

Inovasi baru dinginkan penonton



#OneNationTogether

► NUR SYAMIMI AWALLUDIN
nsyamimi@sph.com.sg

BUAT kali pertama, segolongan penonton berpeluang menikmati Perbarisan Hari Kebangsaan (NDP) dalam suasana dingin lagi selesa.

Suasana itu dihasilkan daripada inovasi terbaharu dengan kerjasama ST Engineering dan SP Group (SP).

Inovasi itu merupakan rekaan ST Engineering bernama 'Airbitat Smart Cooler'.

Dengan kerjasama antara dua syarikat tersebut, mesin 'Airbitat Smart Cooler' menggunakan air yang dihasilkan daripada penggunaan alat penghawa dingin di bangunan-bangunan di kawasan pusat bandar (CBD).

Air pada suhu sekitar 13 darjah Celsius yang terhasil daripada penggunaan penghawa dingin di bangunan di serata kawasan Marina Bay itu dialirkan menerusi saluran paip bawah tanah milik SP ke kawasan Platform Terapung di Marina Bay.

Ia kemudian mengalir ke dalam paip yang lebih kecil menuju ke 29 mesin



PENDINGIN HAWA: Mesin 'Airbitat Smart Cooler' ini dapat meniup hawa dingin pada suhu 24 darjah Celsius kepada penonton NDP di bahagian bagi golongan kurang upaya fizikal. – Foto NUR SYAMIMI AWALLUDIN

'Airbitat Smart Cooler', yang terletak di serata platform terapung itu, di seksyen tempat duduk penonton kurang daya fizikal dan tempat penonton beratur untuk mendapatkan cenderahati 'fun pack'.

Menjelaskan manfaat kerjasama antara ST Engineering dan SP, Pengurus Besar Innosparks, sebuah makmal terbuka di bawah ST Engineering, Encik Gareth Tang, berkata:

"Kami yakin melalui inovasi kejuruteraan, kami dapat menangani masalah rumit yang dihadapi masyarakat. Dengan

gandingan ini, ST Engineering meluaskan lagi sempadan kami demi menghasilkan solusi cekap tenaga di samping meningkatkan tahap kehidupan kita semua."

Pengarah Urusan Singapore District Cooling, sebuah syarikat SP, Encik Jimmy Khoo, pula berkata:

"Teknologi yang direka buat kali pertama ini bertujuan mendinginkan tempat awam yang panas terik di Singapura, sesuatu yang tidak mustahil dikecapi. Kerjasama antara dua syarikat kami menjimatkan tenaga juga wang."

Menurut Encik Khoo, satu unit 'Airbitat Smart Cooler' hanya menelan kos 15 sen setiap jam.

Malah, sebuah mesin selebar 83 sentimeter dan setinggi 1.44 meter itu dapat mendinginkan kawasan sebesar 25 meter persegi, atau lebih 40 penonton.

Selain itu, mesin tersebut menjimatkan hingga 80 peratus kadar tenaga yang digunakan, berbanding penggunaan alat penghawa dingin lain.

Walaupun digunakan buat kali pertama di NDP, mesin itu sudah dipasang di Taman Haiwan Singapura.